

10/01/1997

Taman air penyeri Tasik Bukit Merah

Yahya Awang

TAIPING: Selain keindahan alam semula jadi bandar Tasik Bukit Merah akan dilengkapi taman air menelan belanja RM20 juta untuk menjadikannya pusat rekreasi.

Projek pembinaan taman air itu dijangka siap Februari atau Mac depan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikannya.

Ia dibangunkan di kawasan seluas kira-kira 4.4 hektar oleh Segi Objektif (M) Sdn Bhd iaitu anak syarikat Kumpulan Emkay.

Kumpulan sama turut memajukan bandar Tasik Bukit Merah seluas kira-kira 600 hektar membabitkan perbelanjaan sebanyak RM1 bilion.

Menteri Besar Perak Tan Seri Ramli Ngah Talib yang melawat tapak projek baru-baru ini, berkata ia dirancang untuk menjadi pusat tarikan pelancong utama.

"Perkhidmatan kereta api Orient Express dari Singapura dan Thailand dijangka menjadikan Bukit Merah sebagai satu daripada perhentian utama mereka.

"Taman ini pasti menjadi tempat persinggahan menarik kerana akan mempunyai pelbagai kemudahan rekreasi air termasuk untuk kanak-kanak," katanya.

Ramli yakin berdasarkan kemudahan yang disediakan di situ akan menjadikan satu daripada daya tarikan utama pelancong tempatan dan luar negara berkunjung ke Perak.

Menurutnya, pusat bandar Bukit Merah pasti mampu menarik ramai pelancong kerana kemudahan restoran hotel bertaraf lima bintang, hotel keluarga bungalow dan kondominium, kompleks perniagaan dan padang golf 18 lubang.

Terletak berhampiran dengan taman air itu sedang dibangunkan Marine Village dan Hotel Keluarga yang mempunyai kemudahan 174 bilik dan kemudahan rekreasi berharga keseluruhan RM174 juta.

Pelaksanaan taman air di pusat pelancongan Bandar Tasik Bukit Merah yang mula dilaksanakan Oktober 1995 itu dijangka siap tidak lama lagi dan dijangka menerima kunjungan 300,000 pengunjung bagi tahun pertama.

Bandar Tasik Bukit Merah hanya 35 minit perjalanan memandu dari Jambatan Pulau Pinang dan kira-kira satu jam dari Ipoh pastinya juga memberi peluang pelancong luar negara yang mendarat di Lapangan Terbang Pulau Pinang dan Ipoh mengunjungi pusat pelancongan bandar Tasik Bukit Merah.

(END)